



KOLEJ TUJUH BELAS
SEVENTEENTH COLLEGE

Rujukan Kami : UPM.K17.700-4/1/2
Tarikh : 7 Februari 2022

Semua Pelajar
Kolej Tujuh Belas
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM SERDANG

Saudara/Saudari,

CUTI AKHIR SEMESTER 1 SESI 2021/2022

Adalah dimaklumkan bahawa cuti akhir semester 1 sesi 2021/2022 akan bermula pada **21 Februari 2022 (Isnin) hingga 19 Mac 2022 (Sabtu)**. Sehubungan dengan itu, saudara/saudari diminta untuk mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:-

1. MENGOSONGKAN BILIK

- a. Bilik hendaklah dikosongkan dalam keadaan bersih.
- b. Pastikan almari dikosongkan, poster/nota telah ditanggalkan, perabot hendaklah disusun seperti susunan asal.
- c. Pastikan kipas angin, lampu dan setiap suis elektrik dimatikan sebelum meninggalkan bilik. Denda maksima RM50.00 dan demerit 10 akan dikenakan sekiranya peraturan tersebut tidak dipatuhi.
- d. Sebarang kerosakan inventori di bilik hendaklah dilaporkan dengan menggunakan sistem ekolej.upm.edu.my sebelum menyerahkan kunci.

2. PENDAFTARAN KELUAR DAN PEMULANGAN KUNCI BILIK

- a. Pelajar yang ingin pulang lebih awal, pendaftaran keluar dan pemulangan kunci boleh dilakukan pada waktu pejabat di Pejabat Pentadbiran Kolej Tujuh Belas. **Pemulangan kunci melalui kawan adalah tidak dibenarkan. Jika perkara ini berlaku, pelajar boleh dikenakan denda sebanyak RM50.00 setiap seorang.**
- b. Kelewatan mendaftar keluar atau memulangkan kunci akan dikenakan denda sebanyak RM4.00 seorang/sehari sehingga tarikh ianya dikembalikan.
- c. Pejabat juga akan dibuka seperti butiran berikut:-

Tarikh : 19 & 20 Februari 2022 (Sabtu & Ahad)
Masa : 8.30 pagi – 4.30 petang
Tempat : Pejabat Pentadbiran, Kolej Tujuh Belas

3. PENGINAPAN SEMASA CUTI ANTARA SEMESTER SESI 2021/2022

Pelajar yang ingin menginap semasa cuti dikehendaki mengisi Borang Permohonan Sewaan Penginapan dan mendaftar di Pejabat Am Kolej dengan kadar bayaran RM4.00 seorang/sehari. Penempatan bilik akan ditentukan oleh pihak pengurusan kolej. Tindakan tegas termasuk denda akan diambil terhadap pelajar-pelajar yang didapati tinggal tanpa kebenaran atau menumpang orang lain.

4. PERALATAN KOLEJ YANG DIPINJAM

Semua peralatan kolej yang dipinjam terutamanya alatan sukan, kebudayaan dan alatan teknikal hendaklah dipulangkan **sebelum atau pada 18 Februari 2022 (Jumaat)**.

5. TEMPAT PENYIMPANAN BARANG

Pelajar digalakkan untuk membawa balik semua barang peribadi. Walau bagaimanapun, pihak kolej ada menyediakan stor untuk kemudahan penyimpanan barang.

- a. Semua barang berharga dan penting hendaklah di bawa pulang. Pihak kolej tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan/kerosakan barang yang disimpan di dalam stor.
- b. Sila pastikan barang yang disimpan dimasukkan di dalam kotak, diikat kemas dan dilabelkan. Dokumen atau barang keperluan yang ingin digunakan tidak perlu disimpan di dalam stor kerana **stor tidak akan dibuka** di sepanjang tempoh cuti semester ini bagi mengelakkan sebarang kerosakan dan kehilangan barang.
- c. Barang-barang hendaklah disimpan di stor yang telah dikhaskan seperti butiran berikut:

- Blok A : Rumah A-G-3
- Blok B : Rumah B-G-4
- Blok C : Rumah C-G-3
- Blok D : Rumah D-G-7

6. DENDA

Pihak pengurusan kolej berhak mengenakan amaran dan kadar denda mengikut Perintah-Perintah Tetap Universiti Putra Malaysia (Kolej Kediaman) yang terkini kepada pelajar yang tidak mematuhi peraturan kolej.

7. PENDAFTARAN MASUK BAGI SEMESTER KEDUA SESI 2021/2022

Pendaftaran masuk bagi Semester Kedua Sesi 2021/2022 adalah berpandukan kepada Notis dan Tatacara Pentadbiran Kemasukan Pelajar ke Kolej-Kolej Kediaman Universiti Putra Malaysia, Semester Kedua Sesi Akademik 2021/2022 yang dikeluarkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM. Tarikh pendaftaran adalah seperti berikut:-

Tarikh : 16 hingga 18 Mac 2022 (Rabu hingga Jumaat)
Masa : 8.30 pagi – 4.30 petang
Tempat : Pejabat Pentadbiran, Kolej Tujuh Belas

Akhir kata saya dan pihak pengurusan Kolej Tujuh Belas ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan **“SELAMAT BERCUTI DAN BERHATI-HATI DI JALAN RAYA”**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERILMU BERBAKTI”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. MADYA DR. JASRONITA JASNI
Pengetua
Kolej Tujuh Belas
Universiti Putra Malaysia

- s.k
- Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPM
 - Pengarah Keselamatan, UPM
 - Felo-felo Kolej Tujuh Belas
 - Presiden MPK Kolej Tujuh Belas